


TARIKH: 5/6/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 30

KSM rangka polisi jamin keselamatan sosial pekerja *e-hailing*

BUTTERWORTH - Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang merangka satu dasar bagi menjamin keselamatan sosial golongan pekerja ekonomi gig melibatkan pekerja *e-hailing* agar tidak didiskriminasi oleh majikan.

Menterinya, V Sivakumar berkata, ia kini dalam proses penggubalan dasar di peringkat kementerian dan beliau menjangka menerima garis panduan berhubung perkara itu daripada pegawainya dalam dua minggu lagi.

"Kementerian memang sedang merangka satu dasar untuk melihat bagaimana kerajaan boleh membantu supaya golongan ini tidak didiskriminasi oleh majikan mereka, serta



SIVAKUMAR

memberi mereka perlindungan sosial," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 Negeri Pulau Pinang, di sini pada Ahad.

Ujarnya, pihak kementerian tidak menolak cadangan penggubalan akta khas melibatkan pekerja *e-hailing*, bagaimanapun ia akan mengambil masa yang lama untuk direalisasikan.

Ujarnya, pihak kerajaan buat masa ini akan membuat dasar dahulu, dan kemudian mengkaji secara terperinci tentang keperluan penggubalan akta khas berkenaan. - Bernama

Sinar Harian
MS 30 5/6/23